

NADMA Malaysia turut berkongsi maklumat di Facebook Agensi Pengurusan Bencana Negara (6,012 LIKES sehingga 20/11/17). Facebook NADMA bukan sahaja menjadi platform untuk menyampaikan maklumat dalam bentuk berita terkini, pengumuman, tips & nasihat malah merupakan laluan komunikasi dua hala di mana rakyat turut boleh berkongsi maklumat, bertanya soalan dan mendapatkan khidmat nasihat. Facebook NADMA mendapat 100% *response rate*, dengan 54mins *response time*, bermakna pemantauan media sosial ini juga turut dibuat dari masa kesemasa. Maklumat-maklumat di Facebook NADMA dikongsi (**share**) pelbagai pihak termasuk Malaysia Natural Disaster & Emergency Info, Southeast Asia Disaster Prevention Research Initiative (SEADPRI), ASTRO Radioa, Pertubuhan Gabungan bantuan Bencana NGO Malaysia (BBNGO), Tourism Malaysia dan ramai lagi pihak-pihak yang berkait rapat dengan pengurusan bencana negara. Twitter NADMA memainkan peranan yang sama, saluran informasi dalam memastikan maklumat bencana yang pantas dan tepat dapat diakses rakyat.